

PLANET MASMED

NO. 02

OKTOBER 2023

UiTM CNS



ENCULTURE

ENGAGE

CREATE



**EXCELLENT
SYNERGY
INTEGRITY**

eISSN 2805-5535



9 772805 553005

HOBİ DAN MINAT MENJADI INSPIRASI PERNIAGAAN

Dr. Nordayana Zulkifli
Business and Management Department,
UiTM Negeri Sembilan (Campus Kuala Pilah)

Ramai orang memiliki impian untuk memulakan perniagaan sendiri samada secara kecila-kecilan atau dalam skala sederhana besar sebagai permulaan. Namun begitu, terdapat banyak kekangan untuk memulakan perniagaan terutamanya daripada segi modal dan juga ilmu untuk memulakan perniagaan. Selain daripada dua aspek utama ini, individu yang berhasrat untuk memulakan perniagaan juga haruslah minat dan suka dengan napa produk yang ingin dijual. Salah satu idea untuk memulakan perniagaan secara kecil kecilan mungkin daripada hobi anda sendiri. Ini kerana, hobi anda akan memupuk minat anda terhadap sesuatu dan anda sendiri akan mempunyai “passion” yang kuat untuk mengemudi perniagaan sendiri kerana itu adalah hobi anda. Sekiranya sebelum ini, wang kita dihabiskan untuk hobi seperti membeli novel, merchandise idol, barangan hiasan, merchandise manga dan anime, komik dan pelbagai lagi hobi yang ada, ianya boleh dikembangkan menjadi perniagaan sekiranya diuruskan dengan baik dan dalam masa yang sama hobi anda dapat dikongsi bersama orang lain yang mempunyai minat yang sama. Pengalaman penulis sendiri, dengan menjadikan hobi sebagai sumber sampingan pendapatan dengan menjual Kembali beberapa barangan yang hot selling dan dalam masa yang sama berkolaborasi bersama peniaga online yang menjual barangan yang sama. Oleh kerana minat yang sama, interaksi antara peniaga walau melibatkan peniaga dari luar negara, ianya menjadi mudah kerana bonding yang kuat dan secara tidak langsung, mampu menambahkan pendapatan dan juga menambahkan koleksi peribadi juga. “Turn your passion into money” adalah istilah paling sesuai dan juga mampu menolak andaian di mana para penghobi dan collector ini hanyalah membazirkan wang semata mata. Penulis juga mempunyai kenalan yang bermula daripada hobi mengumpulkan produk merchandise, sehingga kini telah berjaya mengembangkan perniagaan mereka dan mampu menjual produk sendiri ke seluruh dunia.



Antara koleksi pribadi penulis yang antaranya ada juga dijual semula di platform online.